

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 OKTOBER 2022  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 23

### Kita cukup pakar untuk urus ekonomi negara: Mustapa

## *Kita cukup pakar untuk urus ekonomi negara: Mustapa*

**Gua Musang:** Malaysia mempunyai pakar mencukupi dalam bidang ekonomi bagi membantu kerajaan membangun dan menguruskan ekonomi negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, pelbagai usaha sudah dilakukan dan akan terus dilakukan dari semasa ke semasa untuk membahik keadaan ekonomi negara.

Katanya, kerajaan sentiasa berinteraksi dan melakukan sesi libat urus bagi mendapatkan sesuatu pandangan pihak berkaian dan tokoh korporat berhubung isu ekonomi.

"Kalau daripada segi kepakaran (ekonomi) kita cukup, cuma kita akan berusaha lagi kerana kita

sedia maklum seluruh dunia menghadapi cabaran termasuk negara Eropah dan hampir semua negara. Tidak ada satu negara yang terkecuali dan yang penting kita pantau dengan rapi serta mendapat pandangan semua pihak untuk gubal dasar yang terbaik."

Negara ini sudah ada agensi antarabangsa dan pihak kerajaan mendapat khidmat pakar tempatan seperti tokoh korporat dan pihak berkaian serta wakil antarabangsa seperti Bank Dunia, United Nations Development Business (UNDB) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam usaha memberi buah fikiran membantu memantapkan ekonomi

negara.

"Kita sentiasa berjumpa dengan mereka untuk meminta pandangan termasuk dengan agensi kerajaan, syarikat swasta dan universiti," katanya ketika dijumpai selepas pertemuan dengan masyarakat Orang Asli di Kuala Lah di sini, kelmarin.

Katanya, ekonomi negara ini

kini menunjukkan perkembangan positif apabila kadar pengangguran turun daripada 5.3 peratus kepada 3.7 peratus.

"Jadi umumnya ekonomi kita semakin pulih. Kita sedia maklum keada-

an akan jadi mencabar. Insya-Allah kita akan terus berinteraksi dan melakukan libat urus dengan semua pihak.

"Pada Bajet 2023 yang akan dibentangkan, sudah pasti ada banyak strategi untuk memulih dan memantapkan lagi ekonomi Malaysia," katanya.

Media sebelum ini melaporkan bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah mencadangkan kerajaan melantik pakar ekonomi dari luar sekiranya kerajaan tidak mampu untuk mengekang kejatuhan ringgit.

Masalah kejatuhan ringgit harus diselesaikan segera kerana ia memberi kesan kepada rakyat yang terbeban dengan kenaikan harga barang.

**“  
Kalau daripada  
segi kepakaran  
(ekonomi)  
kita cukup  
Mustapa**

